

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “Bantuan **IKHLAS** Supreme Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Bantuan *IKHLAS* Supreme Takaful

Tarikh:

1) Produk apakah ini?

Produk ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan badan, kematian atau hilang upaya kekal pemandu dan / atau penumpang kenderaan yang dilindungi semasa memasuki, dalam perjalanan atau turun dari kenderaan yang dilindungi. Produk ini juga melindungi peserta 24 jam di seluruh dunia akibat kemalangan.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

MANFAAT	Amaun Perlindungan (RM)			
	Silver	Gold	Platinum	Premium
Seksyen 1 – Manfaat Kemalangan Diri (setiap orang)				
Kematian akibat kemalangan	10,000	25,000	50,000	100,000
Hilang keupayaan kekal	10,000	25,000	50,000	100,000
Indemniti Berganda Ketika Cuti Umum Malaysia	20,000	50,000	100,000	200,000
Perbelanjaan Pengebumian	1,000	1,000	1,000	1,000
Perbelanjaan Perubatan	500	1,000	2,000	3,000
Pembedahan Rekonstruktif muka, rawatan pergigian	500	1,000	1,000	1,000
Fi Ambulan	500	1,000	1,000	1,000
Elaun Hospital, maksimum 30 hari	50/hari	50/hari	100/hari	200/hari
Seksyen 2 – Manfaat Kemalangan Diri 24-jam Untuk Peserta Takaful sahaja				
Kematian Akibat Kemalangan	10,000	25,000	50,000	100,000
Hilang Keupayaan Kekal	10,000	25,000	50,000	100,000

Seksyen 3 – Manfaat Elaun Kesulitan (Terhad kepada 1 tuntutan setiap tempoh Takaful)

Bantuan Baki Kad Kredit Islamik	250	500	1,000	1,500
Bantuan Pembiayaan Pinjaman Kereta Islamik	3,000	3,000	3,000	3,000
Elaun untuk Kerosakan atau Kehilangan Kereta	250	500	750	1,000
Elaun untuk Kerugian Sepenuhnya (total loss) atau kecurian	500	1,000	2,000	3,000
Elaun untuk perbelanjaan kerosakan akibat banjir	500	500	500	500
Elaun untuk pecah dan samun	500	500	500	500

Seksyen 4 – Manfaat Program Bantuan Kereta

Bantuan tunda 24-jam	Tiada Had Jarak, Tiada Had Permintaan			
Bantuan Kerosakan 24-jam	Tiada Had Permintaan			
Perbelanjaan Teksi	120	120	120	120
Perbelanjaan Penginapan Hotel	300	300	300	300
Penghantaran Mesej Kecemasan	Disediakan			
Bantuan Rujukan	Disediakan			

Keterangan Manfaat

MANFAAT TAKAFUL	KETERANGAN
Seksyen 1 – Manfaat Kemalangan Diri	
Kematian / Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	Kematian / Hilang Keupayaan Kekal Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) akibat Kenderaan yang Dilindungi.
Indemniti Berganda Ketika Cuti Umum Malaysia	Amaun manfaat berbayar akan digandakan untuk kematian atau hilang keupayaan kekal akibat penggunaan Kenderaan yang Dilindungi semasa cuti umum Malaysia
Perbelanjaan Pengebumian	Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual Manfaat akan di bayar untuk manfaat perbelanjaan pengebumian apabila kematian akibat kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi akibat penggunaan Kenderaan yang Dilindungi.
Perbelanjaan Perubatan	Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan kecederaan tubuh badan akibat kemalangan dari penggunaan Kenderaan yang Dilindungi, sehingga jumlah yang tertera di dalam Jadual Manfaat.
Pembedahan Rekonstruktif Muka, Rawatan Pergigian	Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk pembedahan pembedahan kepala, muka, dan / atau leher dan / atau rawatan untuk kecederaan atau kerosakan gigi sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
Fi Ambulan	Pembayaran semula kos sebenar fi perkhidmatan ambulan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, akan dibayar sekiranya kemalangan akibat Kenderaan yang Dilindungi.
Elaun Hospital	Elaun harian untuk seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk kemasukan Orang Yang Dilindungi ke mana – mana hospital kerajaan / atau swasta akibat kemalangan dari penggunaan Kenderaan yang Dilindungi

Seksyen 2 – Manfaat Perlindungan Kemalangan Diri 24 – jam Untuk Peserta Takaful sahaja

Manfaat kematian dan hilang keupayaan kekal diperluaskan untuk Peserta Takaful selama dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia, tidak kira sama ada Peserta Takaful berada di dalam Kenderaan yang Dilindungi atau tidak.

Seksyen 3 – Manfaat Elaun Kesulitan

Bantuan Baki Kad Kredit Islamik	Jumlah bayaran sekali gus seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar kepada wakil Peserta Takaful sekiranya berlaku kematian atau hilang keupayaan kekal kepada Peserta Takaful akibat penggunaan Kenderaan yang Dilindungi untuk bantuan baki kad kredit Islamik. Sekiranya tiada amaun tertunggak, amaun akan di bayar sebagai manfaat kematian / hilang keupayaan kekal tambahan kepada waris
Bantuan Pembiayaan Pinjaman Kereta Islamik	Jumlah bayaran sekali gus seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar kepada wakil Peserta Takaful sekiranya berlaku kematian atau hilang keupayaan kekal kepada Peserta Takaful akibat penggunaan Kenderaan yang Dilindungi untuk bantuan pembiayaan pinjaman kereta Islamik. Sekiranya tiada amaun tertunggak, amaun akan di bayar sebagai manfaat kematian / hilang keupayaan kekal tambahan kepada waris.
Elaun Untuk Kerosakan Atau Kehilangan Kereta	Jumlah sekali gus akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan (tidak termasuk kerosakan cermin kereta) kepada Kenderaan yang Dilindungi.
Elaun Untuk Kerugian Sepenuhnya Atau Kecurian	Jumlah sekali gus akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku kecurian atau kemalangan yang mengakibatkan kerugian sepenuhnya kepada Kenderaan yang Dilindungi.
Elaun Untuk Perbelanjaan Kerosakan Akibat Banjir	Jumlah sekali gus akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku kerosakan akibat banjir kepada Kenderaan yang Dilindungi.
Elaun Untuk Pecah Dan Samun	Jumlah sekaligus akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya tingkap dan / atau cermin depan Kenderaan Dilindungi / dilanggar oleh mana-mana pihak ketiga dengan menggunakan kekerasan dengan tujuan untuk mencuri dan menyebabkan kehilangan barang – barang peribadi Peserta Takaful dan / atau wang tunai yang diletakkan di dalam kenderaan yang dilindungi.

Seksyen 4 – Manfaat Program Bantuan Kereta

Peserta Takaful di bawah Sijil Takaful ini layak untuk Program Bantuan IKHLAS Road Assist yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kami, 24 jam sehari, 365 hari dalam setahun. Manfaat ini akan diberikan kepada Kenderaan yang Dilindungi sekiranya berlaku Kemalangan atau Kerosakan dalam Tempoh Takaful. Peserta Takaful mesti menghubungi nombor bebas tol 24 jam 1-800-88-1186 untuk perkhidmatan yang disediakan seperti di bawah:

Bantuan Tunda 24 - Jam	Sekiranya Kenderaan yang Dilindungi mengalami kerosakan atau terlibat dalam kemalangan, dan tidak mungkin dapat dibaiki di lokasi, penyedia perkhidmatan kami akan membantu untuk menarik Kenderaan yang Dilindungi ke mana-mana bengkel panel Kami, bengkel francais sah pengeluar atau ke bengkel pilihan peserta takaful. Semua caj tol akan ditanggung oleh Peserta Takaful.
Bantuan Kerosakan 24 - Jam	Penyedia perkhidmatan kami akan memberikan perkhidmatan minor kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku kerosakan kepada Kenderaan yang Dilindungi.
Perbelanjaan Teksi	Penyedia perkhidmatan kami akan membantu membuat pengaturan teksi sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan Kenderaan yang Dilindungi. Pihak Syarikat akan membayar balik perbelanjaan menaiki teksi sebenar yang dikeluarkan sehingga had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini terhad kepada maksimum 3 tuntutan setiap tempoh perlindungan yang tertakluk kepada jumlah tuntutan yang tidak melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

Perbelanjaan Penginapan Hotel	Penyedia perkhidmatan kami akan membantu membuat pengaturan untuk penginapan hotel sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan Kenderaan yang Dilindungi. Pihak Syarikat akan membayar balik penginapan hotel sebenar yang dikeluarkan sehingga had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. (a) Lokasi kejadian adalah 100 kilometer atau lebih dari alamat berdaftar peserta atau pemandu di Malaysia; dan (b) Kerja pembaikan akan memakan masa lebih dari 48 jam. Manfaat ini terhad kepada maksimum 3 tuntutan setiap tempoh perlindungan tertakluk kepada jumlah tuntutan yang tidak melebihi had yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat
Penghantaran Mesej Kecemasan	Atas permintaan, pembekal perkhidmatan kami akan memberitahu ahli keluarga Peserta Takaful atau pemandu mengenai keberadaan Peserta Takaful sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan Kenderaan Yang Dilindungi.
Bantuan Rujukan	Sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan Kenderaan yang Dilindungi, atas permintaan peserta atau pemandu, penyedia perkhidmatan pihak Syarikat akan membantu mengatur tempahan teksi atau hotel.

Nota: Sila baca Sijil Takaful untuk perincian manfaat Takaful. Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar mungkin bergantung pelan yang dipilih seperti berikut.

Pelan	Silver	Gold	Platinum	Premium
Sumbangan Takaful Tahunan (RM)	120.00	150.00	200.00	270.00
Cukai Perkhidmatan (RM)	9.60	12.00	16.00	21.60
Duti Setem (RM)	10.00	10.00	10.00	10.00
Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan	139.60	172.00	226.00	301.60

Nota: Produk ini hanya untuk 5 orang (termasuk pemandu). Penumpang tambahan mungkin dilindungi dengan sumbangan tambahan untuk setiap penumpang, bergantung pada kapasiti tempat duduk kenderaan tertutup yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ('JPJ'). Sumbangan tambahan untuk setiap penumpang tambahan berbeza mengikut pelan seperti di bawah

Pelan	Silver	Gold	Platinum	Premium
Sumbangan Tambahan (RM)	5.00	10.00	15.00	30.00

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan di samping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunakan tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga 10% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 55% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kewajipan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Pampasan / Tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan berdasarkan kepada “Jadual Manfaat” yang disertakan di dalam Sijil Takaful.

Waranti Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful mestilah dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terbatal.
- Anda digalakkan untuk membayar Sumbangan Takaful terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit, cek (cek hendaklah dinamakan ke atas pihak Syarikat sahaja) atau apa-apa cara pemindahan dana.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SPI) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

(a) Pengecualian Umum

- Kematian atau hilang upaya disebabkan oleh sebarang kejadian selain kemalangan yang berlaku di kenderaan yang dilindungi;
- Tuntutan undang-undang umum untuk kerosakan yang diperoleh penumpang terhadap pemandu kerana

kecuaian, kecuaian atau keingkaran pemandu;

- Sekiranya pemandu kenderaan yang dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah semasa memandu mengakibatkan kemalangan;
- Pendedahan yang disengajakan terhadap bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia), atau orang yang dilindungi tindakan jenayahnya sendiri;
- Sekiranya peserta, pemandu dan / atau kenderaan yang dilindungi terlibat dalam pekerjaan, sukan, hiburan atau aktiviti di mana risiko yang lebih besar mungkin timbul daripada yang diungkapkan berkaitan dengan sijil takaful ini tanpa peserta terlebih dahulu memberitahu Syarikat dan mendapatkan Syarikat persetujuan bertulis untuk pindaan sijil takaful ini;
- Kerugian atau kerosakan dalam bentuk apa pun;
- Orang yang dilindungi tidak berumur bawah 1 atau lebih 75 tahun; dan
- Sebarang batasan dan pengecualian lain yang berlaku mengikut sijil takaful Motor yang dilampirkan pada perlindungan ini.

(b) Pengecualian untuk Manfaat Seksyen 2

- Kelas pekerjaan peserta mesti sama ada Kelas Pekerjaan 1, 2, atau 3 sahaja.

(c) Pengecualian untuk Manfaat Tunda dan Bantuan Tanpa Had di bawah Seksyen 4

- Kerosakan mekanikal kerana kekurangan minyak, petrol, atau kerosakan air;
- Kerosakan banjir kecuali dengan perlindungan banjir tambahan;
- Batasan dan pengecualian lain seperti yang disebutkan oleh penyedia perkhidmatan.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful kadar pro-rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Bantuan *IKHLAS* Supreme Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- IKHLAS Motorist P.A. Takaful
- IKHLAS Personal Accident Takaful

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/07/2025